

07 MAR 1998

Mahathir-Dialog

PEMULIHAN EKONOMI:DR M AKAN BERDIALOG DI JERMAN DAN BRITAIN

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad dijangka menyampaikan ucapan dasar dan merasmikan dua dialog antarabangsa di Jerman dan Britain masing-masing pada bulan ini dan pada April.

Ketua Pegawai Eksekutif Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) Datuk Michael Yeoh hari ini berkata, ASLI akan mengadakan dialog itu sebagai sebahagian daripada sumbangannya bagi memulihkan ekonomi negara.

Dialog pertama akan diadakan di Hannover pada 19 Mac sempena lawatan kerja Perdana Menteri ke Jerman.

Dialog keduanya ialah di London semasa Sidang Kemuncak Kedua ASEM (Mesyuarat Asia-Eropah) dari 4 hingga 6 April, kata Yeoh dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Program-program itu dibentuk bagi membantu memulihkan keyakinan pelabur di Malaysia, katanya.

"Dengan memperomosi dan memperkenalkan Malaysia, kita akan dapat menunjukkan kepada dunia yang Malaysia berbeza berbanding negara-negara lain yang menghadapi masalah ekonomi dan Malaysia masih mampu menarik pelabur-pelabur asing," kata beliau.

Di Forum Perniagaan Malaysian-Jerman di Hannover, Dr Mahathir akan berceramah mengenai "Asia Tenggara Selepas Krisis Ekonomi - Cabaran dan Peluang-peluang" dan diikuti oleh satu dialog bersama para peserta.

Akan terdapat dua sesi, satu menumpukan kepada sektor perindustrian dan satu lagi mengenai peluang-peluang di pasaran kewangan dan modal.

Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia Datuk Dr Munir Abdul Majid dan Pengerusi Eksekutif MESDAQ Bhd Khairil Anuar Abdullah akan berceramah dalam sesi mengenai pasaran kewangan dan modal.

Tokoh-tokoh perniagaan Malaysia yang dijangka menghadiri forum di Hannover termasuk Pengerusi Penerbangan Malaysia Tan Sri Tajudin Ramli, Pengerusi Eksekutif Kumpulan, Konsortium Perkapalan Bhd Mirzan Mahathir dan Presiden Kumpulan Sapura, Shahril Shamsuddin.

Bagi aturcara di London, Dr Mahathir akan berceramah mengenai "Asia dan Eropah: Menjalinkan Perkongsian Baru Bagi Alaf Akan Datang" di persidangan yang bertema "Membina Perkongsian Asia-Eropah Yang Baru", dengan ASLI sebagai penganjur bersama, menurut kenyataan itu lagi. -- BERNAMA

SJA RN PR